

# Taska di tempat kerja cukup melegakan

Kos Mo

04/08/2018

M/S 11

**I**SU kecuiaan yang melibatkan pengusaha taman asuhan kanak-kanak (taska) atau pengasuh persendirian sering kali menimbulkan kerisauan dan dilema dalam kalangan ibu bapa yang bekerja di negara ini.

Beberapa kejadian yang dilaporkan di media massa sebelum ini pastinya membutkan mereka trauma.

Antara kejadian terbaharu yang cukup meruntun jiwa ialah kematian Nawfal Amsyar Nabil Fikri, 10 bulan, pada 17 Julai lalu dipercayai terjatuh dari buaian ketika berada dalam jagaan pengasuhnya di Tangkak, Johor.

Sebelum kematian Nawfal Amsyar masyarakat digemparkan dengan kes penemuan mayat seorang bayi, Adam Raykal Mohd. Sufi, lima bulan di rumah pengasuhnya di Selayang, Selangor pada 4 Julai.

Dua kejadian menggemparkan yang berlaku dalam tempoh kurang sebulan itu turut mendapat respons **Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail.**

Beliau yang merupakan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, kerajaan akan mengambil langkah segera memperketat undang-undang bagi mengelak kejadian sama berulang pada masa hadapan.

Malah, memetik laporan *Bernama* ketika di Parlimen baru-baru ini, Wan Azizah turut menyatakan semua agensi dan jabatan kerajaan, terutama yang melibatkan kerja secara syif perlu menubuhkan taska mulai 1 Januari 2019.



Di Sebalik Isu Panas

Bersama AMAR JAZLAN MAD LELA

“Kebanyakan wanita lebih ingin berada dekat dengan anak-anak mereka dan sekiranya taska disediakan berhampiran tempat kerja, mereka boleh memberi fokus terhadap kerja rutin masing-masing serta meningkatkan produktiviti kaum wanita yang bekerja di sektor awam di negara ini.

“Kebanyakan wanita lebih ingin berada dekat dengan anak-anak mereka dan sekiranya taska disediakan berhampiran tempat kerja, mereka boleh memberi fokus terhadap kerja rutin masing-masing serta meningkatkan produktiviti.

“Selain itu, ia juga memudahkan mereka memantau keadaan anak masing-masing sekiranya berlaku kecemasan atau kejadian tidak diingini,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambah Fatimah, beliau berharap usaha itu tidak terhad kepada sektor awam semata-mata tetapi turut diperluaskan di syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC), sektor swasta dan perkilangan.

Pada masa sama, ia juga dapat meningkatkan penyertaan kaum wanita untuk mengisi kekosongan dalam pelbagai sektor pekerjaan.

“Sekarang ini, ramai wanita bekerja namun antara kekeangan utama mereka ialah untuk mencari taska dan pengasuh persendirian yang sesuai serta berdekatan kediaman atau tempat kerja,” ujarnya.

Sementara itu, **Penyelaras Makmal Perkembangan Kanak-Kanak, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Rosazizi Abd. Rahim,** berkata, penubuhan jawatankuasa khas yang bakal dilaksanakan kerajaan mampu meningkatkan kemahiran pengasuh di taska-taska di seluruh negara pada masa hadapan.

“Tugas mengasuh bukan mudah kerana setiap kanak-kanak mempunyai pelbagai kerenah, kehendak dan perangai yang perlu diberi perhatian.

“Justeru, penting bagi seorang pengasuh itu untuk mempunyai pelbagai kemahiran bagi memastikan kanak-kanak tidak hilang fokus sepanjang melaksanakan tanggungjawab tersebut,” katanya.

Jelasnya, sebagai individu paling rapat dengan kanak-kanak, seseorang pengasuh mesti mendidik anak dari semua aspek termasuk emosi, mental dan fizikal.

“Bagi taska yang berdaftar di bawah JKM mungkin tiada masalah kerana kakitangannya sememangnya mahir dan terlatih.

“Masalah sekarang ialah pengasuh persendirian kerana ramai yang tidak mendarat sekali gus berpeluang memiliki kemahiran tersebut.

“Apa pun, pilihan terletak di tangan ibu bapa untuk memilih yang terbaik demi membantu perkembangan anak-anak mereka,” ujarnya.

Katanya, kerjasama juga akan dilaksanakan dengan Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan supaya taska dapat diwujudkan di sekolah untuk kemudahan para guru terlibat.

Selain itu, bagi memastikan isu itu dapat ditangani dengan lebih menyeluruh, satu jawatankuasa khas akan diwujudkan bagi membolehkan satu piawai-an kompetensi untuk diguna pakai oleh pengasuh merangkumi aspek keselamatan, latihan dan kemahiran asas yang diperlukan oleh seorang pengasuh.

Jawatankuasa itu juga katanya bagi mengawal selia keperluan untuk mewajibkan pengasuh kanak-kanak mendaftar dengan